

07 FEB 1998

Mahathir-Cadangan

THAILAND, FILIPINA, SINGAPURA SETUJU CADANGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Thailand, Filipina dan Singapura telah bersetuju secara prinsipnya bahawa mereka akan menggunakan matawang sendiri dalam urusan perdagangan antara Asean.

Perdana Menteri berkata cadangan itu akan dilaksanakan jika kajian mendapati ia sesuai.

"Secara prinsipnya mereka tidak menentang tapi mereka akan mengkaji sama ada baik atau tidak baik dengan penggunaan dolar Singapura sebagai matawang Asean dan penggunaan matawang negara-negara berkenaan dalam dagangan," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya daripada lawatan singkat ke tiga negara Asean berkenaan.

Katanya, Malaysia juga menawarkan untuk menjadi tuan rumah bagi perjumpaan antara Gabenor-gabenor bank negara Asean bagi membincangkan cadangan ini.

Apabila ditanya sama ada Malaysia bersedia menjadi pusat penjelasan, beliau berkata perkara itu akan dibincang dan ditentukan pada mesyuarat itu nanti.

"Dalam zaman IT yang canggih ini, (pusat penjelasan itu) tidak perlu diadakan pada satu tempat kerana semuanya akan ada hubungan secara segera dengan mana-mana pusat yang ditubuhkan," katanya.

Semasa lawatannya, Dr Mahathir berbincang dengan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai pada hari Khamis, Presiden Fidel Ramos di Manila semalam dan Perdana Menteri Goh Chok Tong di Singapura tengah hari tadi.

Leekpai berkata beliau akan mengarahkan Timbalan Perdana Menteri untuk datang ke Malaysia untuk meneruskan perbincangan dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menjawab pertanyaan sejauhmana Malaysia berupaya memulihkan ekonominya berikutan pengukuhan semula pasaran saham dan ringgit pada masa ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu tetapi saya percaya matawang dan pasaran saham Malaysia akan pulih semula jikalau kita bertindak secara bijak dan tidak terlalu awal mengaut keuntungan."

Beliau berkata nilai saham akan bertambah tinggi sekiranya pelabur terus membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Dr Mahathir berkata usaha untuk memulihkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara akan tercapai jika rakyat yang menyimpan wang di luar negara membawa pulang simpanan mereka ke Malaysia.

Beliau berkata ekonomi negara akan pulih antara sembilan bulan dan setahun sekiranya rakyat betul-betul berdisiplin dan mengikut arahan kerajaan dan mengutamakan ekonomi negara yang akan menguntungkan semua tanpa mengutamakan kepentingan diri sendiri. -- BERNAMA

YY AKD